



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERMOHONAN PAKAIAN SERAGAM DAN PERALATAN-PERALATAN

### **Garis panduan Permohonan**

1. Mengemukakan surat permohonan
2. Menyertakan dokumen-dokumen seperti yang diperlukan
3. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diterima / dikembalikan

### **Perhatian:**

#### **Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Agensi Keselamatan**

Seseorang pemegang lesen hendaklah **tidak mengeluarkan** kepada pekerja-pekerjanya atau **menbenarkan mereka untuk menggunakan** sebarang pakaian seragam, lencana, lambang, peralatan perhubungan radio dua-hala, gari, belantan, siren, topi keselamatan, pendorong gas, lampu strob, alat mekanikal atau elektronik atau peralatan lain, tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pegawai melesen.

### **Pakaian Seragam**

1. Kombinasi / gabungan warna pakaian seragam yang dipohonkan mestilah tidak menyamai mana-mana pakaian seragam Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau mana-mana pakaian seragam yang dipakai oleh agensi penguatkuasa undang-undang di Negara Brunei Darussalam.
2. 'Epaulettes' dan lencana pangkat yang menyamai seperti bintang, panji-panji, 'bars' dan logo yang digunakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei adalah tidak dibenarkan (kecuali mendapat kebenaran bertulis).
3. Pemohon dikehendaki menyertakan **gambar berwarna** pakaian seragam yang dimaksudkan (pakaian seragam hendaklah dipakaikan). Gambar mestilah jarak dekat dari sudut hadapan, kanan, kiri dan belakang.
4. Pemohon juga dikehendaki menyertakan **contoh kain** bagi baju dan seluar yang dipohonkan. Diingatkan untuk menyertakan satu contoh kain bagi setiap warna yang dipohonkan.
5. Jika pakaian seragam dibekalkan bersama tali pinggang, topi, kasut dan sebagainya, pemohon dikehendaki menyertakan gambar berwarna setiap peralatan-peralatan yang dipohonkan dalam muka surat yang berasingan. Peralatan-peralatan yang dipohonkan hendaklah dipakaikan bersama baju dan seluar (gambar penuh pakaian seragam) seperti para (3).



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERMOHONAN PAKAIAN SERAGAM DAN PERALATAN-PERALATAN

### **LOGO / LAMBANG**

1. Pemohon / syarikat yang berhasrat untuk mengeluarkan / menggunakan logo atau lambang sendiri pada pakaian seragam pengawal keselamatan adalah dinasihatkan supaya reka bentuk logo berkenaan bersesuaian dengan perniagaan agensi pengawal keselamatan.
2. Logo atau lambang yang dicadangkan hendaklah terlebih dahulu dihadapkan kepada **Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** untuk mendapatkan kelulusan penggunaan logo atau lambang berkenaan dan **Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan** bagi mendapatkan kelulusan / pengesahan tulisan jawi pada logo atau lambang tersebut.
3. Salinan dokumen sokongan (surat kebenaran) daripada pihak berkuasa peralatan-peralatan berkenaan dan gambar berwarna logo atau lambang serta butir-butir keterangan hendaklah dihadapkan bersama-sama permohonan bagi pertimbangan mendapatkan kebenaran bertulis daripada pegawai melesen sepertimana peruntukan **Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Agensi Keselamatan**.

### **PERHUBUNGAN RADIO DUA HALA**

1. Pemohon / syarikat yang berhasrat untuk menggunakan radio (walkie-talkie) bagi maksud perhubungan dua hala pengawal keselamatan semasa bertugas adalah dikehendaki terlebih dahulu mendapatkan kebenaran / kelulusan penggunaanya daripada **Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam / Authority for Info-communications Technology Industry of Brunei Darussalam (AITI)**.
2. Salinan dokumen yang menyokong permohonan ini (surat kebenaran) daripada pihak AITI dan butir-butir keterangan berserta gambar berwarna peralatan radio tersebut hendaklah dihadapkan bersama-sama permohonan bagi mendapatkan kebenaran bertulis menurut peruntukan **Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Agensi Keselamatan**.



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERMOHONAN PAKAIAN SERAGAM DAN PERALATAN-PERALATAN

### **PERALATAN BELANTAN**

#### **1. Pengawal Keselamatan Menggunakan Belantan**

Belantan adalah dianggap satu senjata. Mana-mana pekerja-pekerja pengawal keselamatan adalah tidak dibenarkan membawa sebarang peralatan belantan semasa bertugas kecuali setelah mendapat kebenaran yang sah daripada Pesuruhjaya Polis selaku Pegawai Melesen.

#### **2. Peruntukan undang-undang**

**Bab 16(1), Akta Agensi Keselamatan Penggal 187** Mana-mana orang di mana-mana tempat awam yang membawa atau ada dalam miliknya atau dibawah kawalannya sebarang belantan, gari atau peralatan lain tanpa kebenaran yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan **denda tidak melebihi \$1,000 atau dihukum penjara tidak melebihi 1 bulan atau kedua-duanya sekali**.

#### **3. Peraturan 18,** Seseorang pemegang lesen hendaklah tidak mengeluarkan kepada pekerja-pekerjanya atau membenarkan mereka untuk menggunakan sebarang pakaian seragam, lencana, lambang, peralatan perhubungan radio dua-hala, gari, **BELANTAN**, siren, topi keselamatan, pendorong gas, lampu strob, alat makanikal atau elektronik atau peralatan lain, tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pegawai melesen.

#### **4. Syarat Permohonan**

- a. Pemegang lesen mestilah mengemukakan permohonan bertulis
- b. Mengemukakan contoh belantan untuk diteliti / pemeriksaan.
- c. Mengemukakan Standard Operating Procedures (SOP) belantan

#### **5. Spesifikasi Belantan Yang Dibenarkan**

- a. berat tidak melebihi **180 gram**
- b. ukuran panjang tidak melebihi **38 cm**
- c. warna hitam dan mempunyai sarung
- d. mempunyai serial nombor daripada bahan tahan lama (besi / aluminium) dan dipasangkan pada bahagian genggaman belantan

#### **Makluman:**

Permohonan untuk menggunakan belantan adalah khusus untuk syarikat agensi pengawal keselamatan yang beroperasi dan mempunyai lesen yang masih sah.



## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERMOHONAN PAKAIAN SERAGAM DAN PERALATAN-PERALATAN

### **KENDERAAN SYARIKAT AGENSI PENGAWAL KESELAMATAN**

1. Pemohon / syarikat yang berhasrat untuk menggunakan kenderaan dalam kerja perniagaan agensi pengawal keselamatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran / kelulusan daripada Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan mengenai kenderaan yang dicadangkan.
2. Salinan dokumen yang menyokong permohonan ini (surat kebenaran) daripada pihak berkuasa peralatan berkenaan dan keterangan / spesifikasi kenderaan berserta gambar berwarna kenderaan tersebut hendaklah dihadapkan bersama-sama permohonan bagi mendapatkan kebenaran bertulis menurut peruntukan: **Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Agensi Keselamatan.**